

Ruj. Kami : (26)dlm.BPFK/02/5/1.2
Tarikh : 20 Julai 2000

Semua Pemegang Pendaftaran

Tuan,

Amaran bagi Produk Mengandungi Hydroquinone

Perkara di atas dengan ini dirujuk.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa amaran untuk produk mengandungi hydroquinone telah dikaji dan didapati **amaran pada label luar/kotak** perlu diselaraskan bagi semua produk berkenaan seperti berikut :

" WARNINGS "

Some users of this product may experience skin irritations. Should this occur, stop using and consult a doctor. "

3. Bagi produk hydroquinone yang tidak mengandungi 'sunscreen', pernyataan menasihati pengguna supaya menggunakan sunscreen ataupun lindungi diri daripada cahaya atau guna pada waktu malam perlu disertakan dalam **sisip bungkusan**.

4. Pemegang pendaftaran boleh terus menggunakan label amaran lama sehingga stok habis dan menggantikannya dengan amaran baru seperti di atas. Bagi produk yang mana label lama tidak ada amaran sama sekali, tuan diberi tempoh 3 bulan untuk menggantikan label lama dengan label amaran. Sila kemukakan satu salinan label baru kepada jabatan ini untuk mengemaskini maklumat produk tuan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"UTAMAKAN KUALITI, EFIKASI DAN KESELAMATAN"**

Saya yang menurut perintah

(CHE MOHD. ZIN BIN CHE AWANG)

Setiausaha

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Kementerian Kesihatan Malaysia